

TNB TERUS TRADISI PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' DENGAN PERUNTUKAN RM1 JUTA

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 15/01/2019 | Author: SHANIKA ABDUL LATIB | Others

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan tradisi program tahunan 'Back To School' dengan memperuntukkan sehingga RM1 juta pada tahun ini bagi memberi sumbangan pakaian dan kelengkapan sekolah kepada 5,000 murid dari 30 lokasi di seluruh Semenanjung dan Sabah.

Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie berkata secara keseluruhan, program yang memasuki tahun keenam itu menyaksikan lebih 30,000 penerima bantuan menerusi Back To School TNB sejak ia diperkenalkan pada 2013 dengan perbelanjaan RM6.2 juta.

"Nilai pemberian mungkin kecil untuk sesetengah keluarga tetapi besar maknanya kepada para ibu bapa penerima bantuan ini, khususnya yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang masih bersekolah. Kami yakin sumbangan ini mampu meringankan beban kewangan ibu bapa daripada kelompok B40 dalam membeli kelengkapan persekolahan anak mereka.

"Memandangkan bantuan Back to School ini dikhususkan untuk murid berumur tujuh hingga 12 tahun, kita memberi sedikit kelonggaran bagi penerima di Lembah Pantai atas dasar kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar atau dalam kata lain wujudnya miskin bandar," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Back To School TNB Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, seramai 400 murid terpilih dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bangsar, SK Bukit Bandaraya, SK Bukit Pantai, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar, SMK Bukit Bandaraya dan SMK Seri Pantai menerima bantuan berupa sepersalinan seragam sekolah, beg dan alat tulis bernilai RM200.

Dalam pada itu, Leo menjelaskan, seramai 54 pelajar dari tiga sekolah menengah tersebut turut menerima tajaan berjumlah RM1,500 setahun untuk tempoh tiga tahun (2018-2020) bagi menampung keperluan asas persekolahan daripada tingkatan tiga hingga tingkatan lima menerusi satu lagi program CR TNB iaitu program Bantuan Pendidikan B40.

"Sebagai Warga Korporat Prihatin, kami mencurahkan bakti kepada masyarakat dalam pelbagai bentuk bantuan pelajaran, atas keyakinan bahawa pendidikan boleh membawa perubahan kepada kehidupan rakyat, termasuk keluar daripada kancas kemiskinan.

"Sehingga kini, lebih RM1 bilion telah dibelanjakan oleh TNB untuk memberi manfaat kepada lebih 11,000 pelajar yang menerima tajaan, bantuan dan sokongan termasuk dermasiswa, biasiswa dan pinjaman boleh ubah, sejajar komitmen TNB memperkasakan pendidikan generasi pewaris serta

membangunkan modal insan negara," katanya.

-- BERNAMA

SAL JM HAZ